

06 MAY 2001

Mahathir-Wesak

SIKAP RASIONAL RAKYAT BANTU KEKALKAN KEAMANAN NEGARA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sikap rasional dan terus menyokong usaha kerajaan oleh majoriti rakyat telah membantu mengekalkan keamanan dalam negara ini.

Perdana Menteri berkata walaupun kebelakangan ini ada pihak tertentu yang ingin menghancurkan perpaduan dan menimbulkan kekacauan, namun ianya tidak berjaya kerana adanya sikap itu.

"Kita bernasib baik kerana majoriti rakyat masih bersikap rasional dan terus menyokong usaha kerajaan untuk mengekalkan keamanan menerusi tindakan undang-undang yang sedia ada," katanya dalam perutusan Hari Wesak yang akan disambut esok.

Beliau turut mengulangi bahawa hak dan kebebasan rakyat negara ini, walaupun mereka daripada golongan minoriti, tetap terpelihara di bawah perlembagaan dan undang-undang negara.

Katanya rakyat negara ini amat bertuah kerana sifat toleran dan budaya yang dipupuk sejak sekian lama telah membawa keharmonian dan perpaduan rakyat.

"Formula ini telah kita terima pakai sejak negara kita merdeka. Keberkesannya telah terbukti apabila kerajaan berjaya memaju dan membangunkan negara serta membuka peluang untuk rakyat mencari kemajuan dan kemakmuran," katanya.

Mengenai sambutan Hari Wesak, Perdana Menteri berkata sambutan secara besar-besaran acara keagamaan merupakan manifestasi dasar kebebasan agama yang diamalkan oleh kerajaan dan rakyat negara ini.

Menurut beliau, walaupun Islam diiktiraf sebagai agama rasmi negara dan masyarakat Islam merupakan kaum majoriti di negara ini, namun ia tidak meniadakan kebebasan kaum lain untuk menganut dan mengamalkan agama kepercayaan mereka.

"Begitu juga dalam soal bahasa, budaya dan adat resam. Setiap kaum bebas mengamalkan bahasa, budaya dan adat resam masing-masing tanpa sebarang sekatan," katanya,

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mengucapkan selamat menyambut Hari Wesak kepada rakyat Malaysia yang menganut agama Buddha dengan harapan mereka dapat mempererat lagi hubungan antara kaum dan dapat menyumbang terhadap pembangunan dan kesejahteraan negara.

Walaupun sambutan itu bagi memperingati beberapa acara penting dalam kehidupan pengasas agama Buddha, Gautama Buddha, namun yang lebih utama ialah gesaan terhadap melakukan kebaikan sesama insan dan terus menjalankan kerja-kerja amal, katanya.

-- BERNAMA

NZ ES RON